

# [TURKISH ISLAMISM AT A CROSSROADS: AN ANALYSIS OF THE HISTORY AND DEVELOPMENT OF MILLI GÖRÜŞ HAREKETİ (MGH) (1970-2002)]

## ISLAMISME TURKI DI PERSIMPANGAN JALAN: ANALISIS SEJARAH DAN PERKEMBANGAN MILLI GÖRÜŞ HAREKETİ (MGH) (1970-2002)

*Muhammad Khalis Ibrahim*

*muhammadkhalis@um.edu.my / khalismuhammad92@yahoo.com*

Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies

University of Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

*Mohd Roslan Mohd Nor*

*m\_roslan@um.edu.my (Corresponding Author)*

Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies

University of Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

### Abstrak

Gerakan Wawasan Nasional (Milli Görüş Hareketi-MGH) merupakan gerakan Islamis paling menonjol di Turki. Sebagaimana gerakan-gerakan Islamis yang lain, MGH turut berhadapan dengan konflik dalaman sehingga melahirkan dua kumpulan yang bertentangan. Justeru, artikel ini bertujuan untuk menganalisis sejarah dan perkembangan MGH sejak awal penubuhannya sehingga ia mengalami kemuncak perpecahan dalaman pada tahun 2001. Berdasarkan metode analisis historikal terhadap teks-teks yang berkaitan, artikel ini mendapati bahawa cabaran dan penentangan yang dihadapi telah menatijahkan kepada perpecahan dalaman MGH sehingga melahirkan dua aliran dengan pendekatan yang berbeza. Aliran konservatif telah menubuhan Parti Kebahagiaan (Saadet Partisi-SP), manakala aliran reformis pula mendirikan Parti Keadilan dan Pembangunan (Adalet ve Kalkınma Partisi-AKP). Persimpangan jalan yang berlaku dalam kalangan penggerak MGH ini menunjukkan wujudnya perbezaan interpretasi antara dua aliran dalam kumpulan yang sama terhadap isu dan cabaran yang juga sama. Dari sudut penerimaan dalam pilihan raya, AKP sememangnya lebih mendapat tempat di hati masyarakat yang secara umumnya cenderung kepada parti yang pragmatik, mampu beradaptasi dengan realiti sekularisme Turki dan mengutamakan agenda politik yang praktikal berbanding ideologikal. Hakikat ini jelas terzahir di mana sehingga kini, AKP masih menjadi parti paling dominan dalam lanskap politik Turki, manakala SP pula semakin terpinggir daripada sokongan masyarakat.

**Kata kunci:** Islamisme, Islamis, Milli Görüş Hareketi, Adalet ve Kalkınma Partisi, Saadet Partisi

### Abstract

The National View Movement (Milli Görüş Hareketi-MGH) is the most prominent Islamist movement in Turkey. Like other Islamist movements, MGH also faced internal conflicts that gave birth to two opposing groups. Thus, this article aims to analyze the history and development of MGH from its establishment until it reached its peak of internal conflict in 2001. Based on the historical analysis of the relevant texts, this article found that the challenges and resistance faced by the MGH have led internal clash among its members which each adhered to different approaches. The conservative group has established the Felicity Party (Saadet Partisi-SP), while reformists founded the Justice and Development Party (Adalet ve Kalkınma Partisi-AKP). The crossroads that occurred among the MGH members showed the divergence in interpretation between the two groups in the same movement on the same issues and challenges. From electoral point of view, the AKP managed to gain more support from people which generally inclined towards a pragmatic

party that able to adapt with secularism and prioritize a practical rather than ideological agenda. This fact is clearly evident where to date, the AKP is still the most dominant party in Turkish political landscape, while the SP is increasingly marginalized from gaining public support.

**Keyword:** Islamism, Islamists, Milli Görüş Hareketi, Adalet ve Kalkınma Partisi, Saadet Partisi

Article Received:  
18 September 2021

Article Reviewed:  
8 November 2021

Article Published:  
30 November 2021

## PENGENALAN

Islamisme merupakan fenomena di dunia Islam yang telah tercetus kira-kira sejak 100 tahun yang lalu. Secara umumnya, Islamisme merujuk kepada sebuah ideologi moden yang bersifat politik dengan menjadikan Islam sebagai sandaran dalam memandu seluruh kehidupan manusia (Kramer, 2003; Mozaffari, 2007). Ia merupakan sebuah idea yang melihat Islam sebagai pemutus dalam menentukan kebenaran dan larangan yang perlu dipatuhi oleh seluruh Muslim dalam urusan politik, ekonomi serta sosial (Osman, 2017). Intelektual Islamis di Turki, Ali Bulaç telah mengemukakan definisi Islamisme secara lebih terperinci. Menurut beliau, Islamisme ialah "...gerakan intelektual, moral, sosial, ekonomi, politik dan kenegaraan yang menjadikan Islam sebagai rujukan utama dan bermatlamatkan kepada konsepsi baharu terhadap individu, masyarakat, politik dan negara, sekaligus model baharu untuk organisasi sosial dan penyatuan Islam sejagat" (Bulaç, 2012: 67 & 68).

Islamisme telah mengalami perubahan dari sudut mahupun praktikaliti sepanjang perkembangannya. Sebagai sebuah gerakan idea, politik serta sosial, Islamisme telah memberi pengaruh kepada corak dan perkembangan aktivisme Islam yang cuba mencari penyelesaian hidup baharu berdasarkan agama sebagai alternatif kepada penyelesaian hidup yang bersifat sekular. Lantaran keberadaannya sebagai sebuah gerakan idea, Islamisme telah diterapkan oleh pendukungnya selari dengan konteks atau suasana setempat di mana mereka beroperasi. Hal ini menjadikan gerakan-gerakan Islamis hadir sebagai entiti pelbagai wajah berdasarkan konteks atau realiti masing-masing (Ayoob, 2008).

Islamisme di Turki juga berdiri di atas konteks dan realitinya yang tersendiri yang mencorak idea, wacana serta latar belakangnya. Beroperasi di sebuah negara yang telah ditubuhkan sejak hampir satu kurun, Islamisme di Turki telah melalui liku-liku perjuangan yang panjang. Perjuangan Islamisme di Turki adalah menarik untuk diperhatikan lantaran ia beroperasi di sebuah negara yang beridentiti sekular namun mempunyai penduduk majoriti muslim, selain mempunyai sejarah panjang sebagai pusat kepada empayar Islam. Bagi konteks Turki, perbincangan perihal perjuangan Islamisme tidak dapat dipisahkan daripada turut membincangkan mengenai Gerakan Wawasan Nasional (Milli Görüş Hareketi-MGH). MGH merupakan gerakan Islamis yang paling utama dan menonjol dalam konteks perjuangan Islamisme di Turki. Meskipun muncul agak lewat (ditubuhkan pada tahun 1969) jika dibandingkan dengan gerakan-gerakan Islamis di tempat lain seperti Ikhwan Muslimin (ditubuhkan pada tahun 1928 di Mesir) dan Jami'at Islami (ditubuhkan pada tahun 1941 di India-Pakistan), signifikan keberadaan MGH dalam 'keluarga besar' gerakan-gerakan Islamis sama sekali tidak dapat dinafikan. Pengalaman beroperasi di sebuah negara sekular meletakkan Islamisme di Turki sebagai subjek rujukan oleh para pemerhati politik Islamisme dalam meneliti bagaimana Islamis menyelaraskan antara Islam dan demokrasi bagi konteks sebuah negara sekular.

Sepanjang operasinya, MGH turut tidak dapat lari daripada berhadapan dengan konflik dalaman. Selepas kira-kira tiga dekad penubuhannya, MGH telah menyaksikan wujudnya keretakan dalaman sehingga melahirkan dua kumpulan yang bertentangan.

Kedua-dua kumpulan ini mewakili dua jalur pemikiran yang berbeza dalam menanggapi persoalan-persoalan Islam, demokrasi, sekularisme serta cabaran-cabaran yang dihadapi. Justeru, artikel ini bertujuan untuk menganalisis sejarah dan perkembangan MGH sejak awal penubuhannya sehingga ia mengalami kemuncak perpecahan dalam pada tahun 2002. Artikel ini didahului dengan membincangkan idea dan wacana MGH selaku gerakan Islamis yang utama di Turki. Kemudian, artikel ini akan menganalisis sejarah dan perkembangan MGH menerusi penglibatannya dalam politik sehinggalah perpecahannya.

### **MGH SEBAGAI PELOPOR ISLAMISME DI TURKI**

Dalam membincangkan mengenai perkembangan Islamisme di Turki, perihal MGH merupakan satu subjek penting yang perlu diberikan perhatian khusus. MGH merupakan gerakan utama yang mendukung idea Islamisme di Turki, sekaligus merupakan sebuah gerakan sosiopolitik yang penting di Turki sekitar tahun 1970-an sehingga 1990-an.

Sepanjang keberadaannya, MGH sering dibayangi oleh sosok Necmettin Erbakan selaku pemimpin utamanya yang mengasaskan gerakan ini pada tahun 1969. Erbakan merupakan tokoh politik Islamis yang paling berpengaruh di Turki sejak negara republik tersebut ditubuhkan. Latar belakang pendidikan dalam bidang kejuruteraan di Turki dan Jerman menjadikan Erbakan mempunyai pengalaman berinteraksi dengan masyarakat yang pelbagai. Hal ini sedikit sebanyak mencorak pemikiran politik beliau yang cenderung terhadap pendekatan yang tidak radikal serta mementingkan rundingan. Semasa berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Teknikal Istanbul, Erbakan melibatkan diri dalam dunia aktivisme menerusi Dewan Perdagangan dan Industri Turki (*Türkiye Odalar ve Borsalar Birliği*-TOBB). Semasa bergerak dalam pertubuhan sekerja inilah Erbakan mula menempa nama sebelum terjun secara langsung ke dalam politik pada tahun 1969. Dalam pilihan raya pada tahun tersebut, Erbakan berjaya merebut kerusi parlimen dengan bertanding sebagai calon bebas. Pada tahun yang sama, Erbakan bersama kumpulan pro-Islam yang bergerak di dalam Parti Keadilan (Adalet Partisi-AP) sebelumnya menubuhkan Parti Ketertiban Nasional (*Millî Nizam Partisi*-MNP), iaitu parti Islam pertama di Turki di bawah tajaan gerakan Islamis MGH. Sebelum kewujudan MGH dan MNP, beberapa ahli politik yang cenderung terhadap Islam telah bergerak sebagai kumpulan serpihan di dalam AP. Penyertaan ini adalah disebabkan wujud ruang kompromi yang membolehkan beberapa dasar yang memberi kepentingan kepada Islam untuk dilaksanakan berdasarkan jalur kanan-tengah (*centre-right*) yang dianuti oleh parti tersebut. Walau bagaimanapun, wujud pertembungan dalam AP antara kumpulan pro-Islam dan pro-liberal yang lebih dominan, menyebabkan kumpulan pro-Islam tersebut akhirnya keluar dari AP dan membentuk sebuah parti Islam yang khusus bersama Erbakan (Ahmad, 1977: 242).

MGH merupakan sebuah gerakan sosiopolitik yang mendukung idea Islamisme. Meskipun perkataan '*millî*' pada nama MGH secara literalnya bermaksud 'nasional' atau 'kebangsaan', ia tidak bermaksud gerakan ini mendukung perjuangan kebangsaan yang sempit berdasarkan etnik tertentu. Menurut Yavuz (2003: 208), '*millî*' di sini secara dasarnya lebih menjurus kepada maksud 'ummah', memperlihatkan perjuangan MGH yang bersandarkan kepada semangat Islam. Justeru, gagasan perjuangan MGH adalah bersifat sejagat dan menyeluruh sebagai refleksi daripada sifat Islam itu sendiri.

Namun, wujud kekangan-kekangan yang terpaksa dihadapi oleh MGH dalam usahanya memartabatkan Islam di Turki. Kekangan-kekangan ini termasuklah undang-undang yang melarang penggunaan agama sebagai simbol atau ideologi oleh mana-mana pertubuhan, fahaman sekularisme yang bersifat keras sebagai asas identiti Turki serta keberadaan Angkatan Tentera Turki (*Türk Silahlı Kuvvetleri*-TSK) yang berperanan sebagai pemelihara identiti sekular negara. Hal ini mendesak Erbakan dan rakan-

rakannya untuk menggunakan slogan yang tidak menampakkan sebarang simbol keagamaan sama ada pada nama organisasi maupun pada retorik perjuangan mereka. Penggunaan slogan yang menampakkan ciri-ciri kebangsaan pada dasarnya merujuk kepada Islam, di mana ‘Wawasan Nasional’ itu sendiri merupakan projek bagi merealisasikan visi Islamisme dengan cara yang lunak (Eligür, 2010: 66-67).

Terdapat dua faktor utama yang mendorong kepada kemunculan MGH selaku sebuah gerakan Islamis yang khusus. Pertama, ia muncul di atas kesedaran pendukung perjuangan Islam di Turki untuk bergerak dalam sebuah wadah khusus yang mandiri bagi menjayakan visi Islamisme mereka. Pengalaman bergerak sebagai kumpulan serpihan di dalam AP sebelumnya yang tidak begitu meletakkan komitmen terhadap agama mendesak mereka untuk menubuhkan parti baharu yang lebih jelas bermatlamat mengangkat martabat Islam (Mohammad Redzuan & Mashitah, 2015). Kedua, kemunculan MGH adalah untuk memperjuangkan suara masyarakat konservatif Anatolia yang sering terpinggir dan tidak didengari oleh kelompok elit sekular yang mendominasi kuasa politik. Masyarakat konservatif ini terdiri daripada mereka yang menetap di kawasan luar dan pinggir bandar serta mereka yang tinggal di bandar namun lebih condong kepada kehidupan beragama (Narli, 1999; Çınar & Duran, 2008). Berdasarkan faktor-faktor inilah yang mendorong MGH muncul sebagai sebuah gerakan sosiopolitik berdasarkan aspirasi Islam.

Secara ideanya, MGH meletakkan matlamat untuk membina negara dan bangsa Turki yang seimbang sama ada dalam aspek jasmani maupun rohani sebagaimana yang pernah dibina oleh Nabi Muhammad SAW serta generasi awal Islam. MGH dan Erbakan sering menyeru masyarakat Turki supaya kembali kepada cara hidup Islam sepenuhnya dan meninggalkan cara hidup lain yang menjadi punca kepada kelemahan bangsa Turki (Vielhaber, 2012). MGH meletakkan matlamat untuk membina tamadun yang seimbang sama ada dari sudut hubungan vertikal, iaitu hubungan manusia dengan Allah, maupun hubungan horizontal, iaitu hubungan sesama manusia dan antara manusia dengan alam di sekeliling. Bagi MGH, Islam merupakan identiti asas bagi bangsa Turki yang tidak dapat dipisahkan dalam proses pembinaan tamadun (Atacan, 2005).

Meskipun terpaksa berhadapan dengan realiti politik yang mencabar, MGH tidak cenderung terhadap pemikiran atau aktiviti radikal. Sebaliknya, ia begitu menekankan keamanan dan pendekatan yang sederhana dalam merealisasikan matlamatnya. Berbeza dengan sebahagian gerakan Islamis di negara-negara lain yang lebih bersifat revolusioner dan mengambil pendekatan dari atas ke bawah (*top-down approach*), MGH pula lebih memilih pendekatan dari bawah ke atas (*bottom-up approach*) untuk melahirkan kesedaran masyarakat terhadap Islam (Vielhaber, 2012). Penulis melihat, terdapat dua faktor yang mendorong kepada sikap lunak MGH. Pertama, penekanan MGH terhadap persoalan moral dan spiritual individu menjadikan gerakan ini lebih mengutamakan proses pengislahan sosial. Maka, mewujudkan kesedaran Islam berdasarkan mekanisme dakwah secara *bottom-up* menjadi pendekatan utama MGH. Kedua, wujudnya pengaruh sufisme pada MGH yang mendorongnya untuk lebih rasional dan moderat. Sejak mula lagi, MGH sememangnya menerima suntikan sufisme, khususnya daripada pemikiran seorang imam di Masjid İskenderpaşa yang juga merupakan pemimpin Tarekat Nakşibendi; Mehmet Zahid Kotku serta penyertaan pelbagai aliran sufisme pada awal pembentukannya. Pengintegrasian antara wacana sufisme dan idea kepolitikan mencorak pendekatan Islamisme MGH yang tidak bersifat radikal dan lebih cenderung kepada pengislahan secara beransur-ansur.

Seperti gerakan-gerakan Islamis yang lain, MGH turut tidak terkecuali daripada mengkritik Barat khususnya terhadap idea sekularisme dan modenisme. Kritikan yang dilakukan oleh MGH adalah pada worldview Barat yang sekular dan meminggirkan tradisi. Dalam hal ini, projek pembangunan dan pemodean Kemalisme yang cuba meniru model Barat adalah ditolak kerana mengenepikan Islam sebagai identifikasi bangsa Turki (Dağı, 2005: 24). Selain itu, idea Barat yang dicerok oleh elit sekular Turki berdasarkan kuasa

dan monopoli turut ditolak oleh MGH. Sebagai alternatif, gerakan Islamis ini mengemukakan gagasan ‘*Adil Düzen*’ (Orde Keadilan). *Adil Düzen* dizahirkan secara rasmi sebagai manifesto oleh Parti Kebajikan (Refah Partisi-RP), iaitu parti ketiga yang ditubuhkan oleh MGH. Menerusi *Adil Düzen*, MGH cuba menonjolkan nilai keadilan Islam dalam bidang ekonomi, sosial dan politik bagi menggantikan kapitalisme Barat di satu pihak dan komunisme Timur di pihak yang lain (Duran, 1998: 112-113). Dengan melihat kepada gagasan ideanya, *Adil Düzen* boleh dihujahkan sebagai penterjemahan kepada pelaksanaan orde Islam secara menyeluruh bagi konteks Turki, meskipun ia tidak menggunakan label Islam pada zahirnya.

Sejak awal kemunculannya sehingga kini, MGH telah menubuhkan lima buah parti politik bagi mendukung gagasannya. Parti-parti yang berbeza ini muncul bersilih ganti kerana diharamkan satu persatu oleh mahkamah. Parti-parti yang dimaksudkan ialah Parti Ketertiban Nasional (Milli Nizam Partisi-MNP), Parti Keselamatan Nasional (Milli Selamet Partisi-MSP), Parti Kebajikan (Refah Partisi-RP), Parti Kebaikan (Fazilet Partisi-FP) dan Parti Kebahagiaan (Saadet Partisi-SP). Selain itu, muncul juga Parti Keadilan dan Pembangunan (Adalet ve Kalkınma Partisi-AKP) yang merupakan parti serpihan daripada gerakan ini.

Penulis memecahkan perkembangan MGH kepada dua fasa iaitu fasa bersepdu dan fasa persimpangan. Fasa bersepdu merujuk kepada fasa tidak berlaku sebarang konflik dalaman dalam gerakan Islamis tersebut. Ia ditandai dengan tempoh bermula dari penubuhan MGH hingga pengharaman RP oleh mahkamah. Manakala fasa persimpangan pula adalah fasa di mana MGH mengalami perpecahan dalaman sehingga mewujudkan dua aliran utama iaitu aliran konservatif dan reformis. Fasa ini menandakan berlakunya persimpangan dalam MGH sehingga melahirkan SP dan AKP.

## FASA BERSEPADU MGH

### MNP (1970-1971)

MNP ditubuhkan pada 26 Januari 1970, menjadi parti sulung bagi MGH. MNP ditubuhkan secara bersama oleh Erbakan selaku pelopor utamanya beserta beberapa rakannya yang sebelumnya bergerak aktif dalam AP iaitu Hasan Aksay, Ahmet Tevfik Paksu, Süleyman Arif Emre, İsmail Müftüoğlu dan Ömer Faruk Ergin (Mohammad Redzuan & Mashitah, 2015: 65). Sepertimana pendukung politik jalur kanan-tengah dan pro-Islam yang lain, MNP juga merupakan kumpulan pinggiran (*periphery*) dalam spektrum sosial di Turki. Rata-rata pendukungnya adalah berasal dari kawasan pedalaman dan luar bandar Anatolia, menjadikan MNP dilihat mewakili kepentingan kelompok tersebut. Dari sudut keanggotaan, meskipun MNP berideologi Islamisme, ia dianggotai oleh pelbagai kelompok sama ada profesional kolar putih dalam kalangan jurutera, ahli perniagaan, peguam serta pelbagai kumpulan sufisme (Yavuz, 2003: 209).

Secara ideanya, matlamat penubuhan MNP berkait rapat dengan visi asas MGH yang ingin menegakkan syariat Islam di Turki. Meskipun begitu, kekangan perundungan serta tekanan prinsip sekularisme negara menyebabkan MNP terpaksa mengaburkan visi tersebut daripada dizahirkan. Sebaliknya, MNP mengalihkan tumpuan dengan menyampaikan mesej-mesej yang baik dan bertepatan dengan nilai-nilai Islam.

Hayat MNP tidak panjang. Pada 12 Mac 1971, pihak TSK telah melakukan rampasan kuasa susulan daripada suasana politik dan ekonomi yang tidak menentu di bawah pentadbiran AP. Rampasan kuasa ini menyebabkan TSK diberi kuasa pentadbiran dan mempunyai ruang untuk melakukan campur tangan politik, termasuklah untuk mendesak supaya parti-parti politik diharamkan. Pada 20 Mei 1971, Mahkamah Perlembagaan telah mengumumkan pengharaman MNP di atas tuduhan mengeksplorasi

agama demi kepentingan politik kerana telah melanggar Artikel 2, 19 dan 57 Perlembagaan Turki 1961 (Geyikdağı, 1984: 105). Hayat MNP yang pendek, iaitu hanya dua tahun, menyebabkan parti tersebut tidak sempat untuk menyertai sebarang pilihan raya.

### **MSP (1973-1980)**

Pengharaman MNP tidak menyekat komitmen pendukung Islamisme untuk terus mengangkat kedudukan Islam di Turki. Selepas keadaan politik di Turki kembali tenang, pendukung MGH telah menubuhkan MSP pada 11 Oktober 1972 bagi menggantikan MNP yang telah diharamkan. Kebanyakan mereka yang memimpin MNP sebelumnya turut menjadi pemimpin MSP, di mana Süleyman Arif Emre telah dipilih sebagai pengurus MSP. Pada mulanya, Erbakan tidak terlibat secara langsung dengan penubuhan MSP supaya ia tidak dikaitkan dengan beliau. Tambahan pula, selepas rampasan kuasa pada 1971, Erbakan telah ke Switzerland untuk mendapatkan perlindungan daripada pendakwaan politik. Beliau hanya menyertai MSP pada Mei 1973 dan menggantikan Süleyman Arif Emre lima bulan yang berikutnya sebagai pengurus parti yang baharu (Yavuz, 2003: 209-210).

Penyertaan sulung MGH dalam pilihan raya menerusi proksinya MSP memperlihatkan pencapaian yang agak memberangsangkan. Dalam pilihan raya umum pada 14 Oktober 1973, MSP berjaya memperoleh peratusan undi sebanyak 11.8%, meletakkan ia sebagai parti ketiga yang mendapat undi tertinggi selepas AP dan Parti Republikan Rakyat (Cumhuriyet Halk Partisi-CHP). Memandangkan pilihan raya di Turki menggunakan sistem perwakilan berkadar (*proportional representatve*) yang mengagihkan jumlah kerusi mengikut peratusan undi yang diperoleh, maka MSP telah diperuntukkan sebanyak 48 kerusi parliment.

Keputusan pilihan raya pada tahun tersebut menyaksikan tiada mana-mana parti yang mempunyai bilangan kerusi parliment yang mencukupi untuk membentuk kerajaan secara bersendirian. Maka, MSP telah mengambil kesempatan ini dengan membina persefahaman secara longgar dengan CHP untuk membentuk kerajaan yang hanya bertahan bermula dari Januari 1974 hingga Mac 1975. Menerusi kerajaan yang dibentuk, wakil-wakil MSP berjaya menduduki beberapa jawatan strategik, termasuklah Erbakan sendiri yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri. Selain jawatan Timbalan Perdana Menteri, wakil-wakil MSP turut diperuntukkan jawatan Menteri Dalam Negeri, Menteri Keadilan, Menteri Perdagangan, Menteri Makanan dan Pertanian, Menteri Industri dan Teknologi serta Jabatan Hal Ehwal Agama (Diyanet İşleri Başkanlığı-Diyanet) (Eligür, 2010: 70).

Selepas kerajaan ini terbubar pada Mac 1975, AP mengambil inisiatif membentuk kerajaan Barisan Nasional bersama MSP serta beberapa parti lain iaitu Parti Gerakan Kebangsaan (Milliyetçi Hareket Partisi-MHP) dan Parti Kepercayaan Rakyat (Cumhuriyetçi Güven Partisi-CGP). Gabungan ini berterusan sehingga pilihan raya umum tahun 1977, dan diikuti pembentukan gabungan Barisan Nasional Kedua yang bertahan hanya sehingga Januari 1978 sebelum terbubar disebabkan berlaku undi tidak percaya di parliment (Eligür, 2010: 70-71).

Sepanjang kesempatan berada di dalam kerajaan, MSP telah melakukan beberapa usaha yang menjurus ke arah mengangkat kedudukan Islam seperti menaikkan peruntukan untuk masjid-masjid, memudahkan urusan rakyat yang ingin menunaikan haji serta merancakkan lagi penyiaran rancangan-rancangan agama di televisyen dan radio. Selain itu, MSP turut mengambil peluang memperkasakan Sekolah Imam-Hatip selaku institusi pendidikan agama dengan membuka kembali sekolah tersebut bagi peringkat menengah, membuka kemasukan kepada pelajar perempuan dan membenarkan lepasan sekolah tersebut untuk memasuki universiti dalam pelbagai bidang. Pada masa yang

sama, beberapa usaha mencegah kemungkaran turut dilakukan seperti mengarahkan supaya membuang unsur-unsur lucah yang jelas di tempat awam, menghentikan penyiaran dokumentari yang bersifat lucah serta mengetatkan penjualan arak secara berleluasa (Muhammad Khalis & Mohd Roslan, 2018).

Usaha MSP untuk mengangkat kepentingan Islam terhenti disebabkan berlakunya rampasan kuasa tentera. Suasana politik yang tidak stabil rentetan daripada pertembungan antara pendukung jalur radikal kiri dan kanan, diikuti dengan kerapuhan kabinet kerajaan di sepanjang tahun 1970-an mendorong pihak TSK untuk sekali lagi melakukan campur tangan politik pada 12 September 1980. Rampasan kuasa tersebut disusuli dengan pengharaman MSP serta beberapa parti politik yang lain, di samping penahanan beberapa pemimpin politik termasuk Erbakan.

### RP (1983-1998)

Berikutan daripada rampasan kuasa pada September 1980, urusan pentadbiran negara telah diserahkan kepada pihak TSK selama tiga tahun. Selepas tempoh tersebut, pendukung MGH di bawah pimpinan Ali Türkmen menujuhan RP pada 19 Julai 1983. Erbakan tidak dapat terlibat secara langsung dengan RP pada peringkat awal penubuhannya kerana hukuman larangan berpolitik yang dikenakan ke atas beliau. Mengambil pengajaran daripada pengalaman lepas, pendukung RP lebih berhati-hati dalam kegiatan mereka. Kali ini, RP mengambil pendekatan politik yang lebih fleksibel dan cuba menghadirkan dirinya sebagai sebuah parti yang mewakili aspirasi pelbagai segmen masyarakat. Sebagai contoh, pendukung-pendukung RP telah mengambil inisiatif memberikan bantuan berbentuk barang keperluan kepada penduduk di Istanbul (Akinci, 1999). Inisiatif ini menjadikan RP hadir sebagai sebuah gerakan sosiopolitik yang menyediakan kebajikan kepada masyarakat, bertepatan dengan semangat ‘refah’ (kebajikan) pada nama RP.

Momentum RP agak perlahan pada awal penubuhannya disebabkan ia tidak dibenarkan untuk menyertai pilihan raya umum pada 6 November 1983. Pilihan raya pertama yang disertai oleh RP, iaitu pilihan raya tempatan pada 25 Mac 1984 menyaksikan parti itu beroleh kemenangan di 17 majlis perbandaran. RP memperlihatkan peningkatan sokongan dalam siri pilihan raya yang disertainya. Pencapaian RP dalam politik kian menyerlah sekitar tahun 1990-an, di mana ia berjaya memenangi sebanyak 327 majlis perbandaran dalam pilihan raya tempatan pada 27 Mac 1994, termasuklah bagi bandar Ankara dan Istanbul (Akinci, 1999). Kemuncak kecemerlangan RP dalam politik ialah pada 24 Disember 1995, di mana parti Islamis tersebut berjaya meraih 21.4% undi popular, menjadi parti yang mendapat undi tertinggi antara kesemua parti yang bertanding. Bagi membentuk kerajaan, RP telah membina kerjasama dengan Parti Jalan Kebenaran (Doğru Yol Partisi-DYP), iaitu parti berhaluan kanan-tengah yang memperoleh undi ketiga tertinggi ketika itu.

Pencapaian RP ini signifikan buat perjuangan MGH berdasarkan dua sudut. Pertama, kedua-dua keputusan pilihan raya pada tahun 1994 dan 1995 telah mengubah lanskap politik Turki yang memperlihatkan penentangan secara langsung segmen Islamis terhadap kelompok sekular dan kekuatan segmen pinggiran dalam spektrum politik Turki. Jika sebelumnya, kelompok sekular lebih ditentang secara langsung oleh pendukung politik jalur kanan-tengah. Kedua, kejayaan RP membolehkan Erbakan dilantik sebagai Perdana Menteri Turki, menjadikan beliau Perdana Menteri pertama daripada kelompok Islamis sejak negara Turki moden ditubuhkan.

Semasa menjadi kerajaan, RP telah melakukan beberapa dasar yang memberi kepentingan kepada Islam. Misalnya, RP telah mengetatkan penjualan arak di premis-premis perniagaan dan hiburan serta menambah bilangan masjid di seluruh negara. Selain itu, kerajaan juga telah menambah beberapa cawangan baharu bagi Sekolah

Imam-Hatip, menaikkan peruntukan bagi sekolah-sekolah aliran agama dan merancakkan lagi pengajaran kelas pengajian al-Qur'an di sekolah-sekolah. Malah, kebenaran juga telah diberikan kepada kumpulan-kumpulan Islam untuk membuka sekolah dan kolej swasta bagi merancakkan pertumbuhan dan kegiatan kumpulan masing-masing (Mohammad Redzuan & Mashitah, 2015: 80; Yavuz, 2003: 214).

Sepertimana nasib parti-parti pendahulunya, RP turut tidak terkecuali daripada menghadapi tekanan dan ancaman seterunya. Meskipun cuba menghadirkan dirinya sebagai sebuah parti massa, RP tetap dilihat menggunakan Islam demi tujuan politiknya. Pada 28 Februari 1997, angkatan tentera Turki telah melakukan campur tangan politik dengan mendesak kerajaan untuk melaksanakan segala tuntutan yang terkandung dalam memorandum yang dikemukakan. Campur tangan politik tentera ini hakikatnya merupakan satu bentuk rampasan kuasa kerana ia secara halus bertujuan untuk mengambil alih kuasa daripada kerajaan pada waktu tersebut. Berbeza daripada siri rampasan kuasa tentera sebelumnya, rampasan kuasa kali ini sering disebutkan sebagai 'rampasan kuasa pascamoden' kerana ia melibatkan pelbagai entiti lain seperti media, ahli akademik, badan kehakiman serta pertubuhan sivil yang turut memainkan propaganda saraf bagi menyokong tindakan pihak tentera (Burak, 2011).

Pada 21 Mei 1997, usul bagi mengharamkan RP telah dikemukakan oleh Ketua Pendakwa Raya Turki ke Mahkamah Perlembagaan. Sejurus selepas itu, sebilangan ahli parlimen DYP telah mengambil langkah selamat lebih awal dengan meletakkan jawatan yang mengakibatkan RP tidak lagi mempunyai sokongan majoriti di parlimen. Senario ini telah menggoyahkan kedudukan RP dan dijadikan sebab oleh mahkamah bagi mendesak Erbakan untuk melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri pada 18 Jun 1997. Akhirnya pada 28 Februari 1998, Mahkamah Perlembagaan telah mengeluarkan arahan supaya RP dibubarkan serta-merta.

## FASA PERPECAHAN MGH

### FP (1998-2001)

Rampasan kuasa yang berlaku telah memberi beberapa kesan langsung kepada MGH. Pertama, ia mendesak pendukung-pendukung MGH untuk menubuhkan wadah baharu bagi meneruskan perjuangan mereka. Sebelum RP diarahkan tutup oleh Mahkamah Perlembagaan lagi, pendukung-pendukung MGH telah mengambil langkah awal dengan menubuhkan FP secara rasmi pada 17 Disember 1997. Sepanjang tempoh penubuhan FP sehingga RP dibubarkan, ahli-ahli RP telah berpindah secara berperingkat-peringkat ke dalam parti baharu tersebut.

Kedua, rampasan kuasa tersebut menyebabkan Islamis yang bernaung di bawah MGH membuat penilaian semula terhadap wacana dan pendekatan mereka. FP yang baru ditubuhkan menjadi medan eksperimen politik MGH dalam mereka membawa wacana baharu supaya dapat disesuaikan dengan cabaran semasa ketika itu. Dalam konvensyen parti yang pertama, Recai Kutau selaku pengurus FP menegaskan bahawa parti tersebut bukanlah jelmaan RP, sebaliknya merupakan sebuah parti yang membawa agenda demokrasi, kebebasan politik dan hak asasi. Bagi FP dan MGH secara umum, kekangan ruang bagi kelompok Islamis untuk menggenengahkan agenda agamanya adalah disebabkan Turki tidak begitu mengamalkan demokrasi secara sepenuhnya. Berdasarkan kesempatan ini, FP telah mengubah laras bahasanya daripada mempertikai kekurangan nilai agama negara kepada kekurangan nilai demokratik yang diamalkan sejak sekian lama (Mecham, 2004: 345-346). Untuk memastikan ia tidak dilihat meneruskan agenda RP yang telah diharamkan, pendukung-pendukung MGH yang bergerak dalam FP terpaksa meliberalkan wacananya. Sebagai contoh, FP mula

mengambil sikap pro-Barat dengan menyokong usaha menjadikan Turki sebagai anggota Kesatuan Eropah (European Union-EU), iaitu sikap yang berbeza daripada RP sebelumnya (Yavuz, 2000). Pada masa yang sama, FP menjadikan sokongannya terhadap demokrasi sebagai strategi untuk memelihara kelangsungannya supaya tidak dilihat mencabar status quo sekularisme negara dan mengundang permusuhan pihak TSK (Kasaba & Bozdoğan, 2000).

Ketiga, berikutan berlakunya keanjalan pada wacana MGH selepas rampasan kuasa, perpecahan dalaman MGH turut berlaku. Peristiwa tersebut menyebabkan berlakunya konflik dalaman MGH berhubung dengan pendirian terhadap pendekatan terbaik yang perlu diambil bagi memastikan perjuangan Islamisme di Turki kekal relevan. Konflik yang berlaku telah melahirkan dua aliran fahaman yang bertentangan dalam MGH. Di satu pihak terdapatnya kumpulan konservatif (*gelenekçiler*) yang melihat perubahan wacana dan pendekatan hanya semata-mata di peringkat strategi. Dalam erti kata lain, keanjalan FP tidak melibatkan perubahan dasar asal perjuangan Islamisme MGH, lebih bersifat teknikal dan tidak secara struktural. Selain itu, kumpulan ini juga masih setia dengan kepimpinan Erbakan dan cenderung untuk mengekalkan pengaruh beliau dalam menentukan hala tuju MGH. Manakala di pihak yang lain, iaitu kumpulan reformis (*yenilikçiler*) melihat perlunya dilakukan perubahan secara menyeluruh melibatkan aspek fundamental (ideologi) dan struktural (organisasi dan kepimpinan). Dari sudut fundamental, kelompok *yenilikçiler* berpandangan bahawa dasar perjuangan MGH perlu dinilai semula dan dirombak supaya mampu beradaptasi dengan cabaran semasa. Manakala dari sudut struktural pula, kelompok ini melihat bahawa perlunya dilakukan reformasi dalaman parti, termasuklah pemisahan daripada pengaruh Erbakan bagi menjamin kelangsungan MGH untuk jangka masa panjang. Konflik inilah yang menjadi punca kepada perpecahan dalaman MGH yang kemudiannya melahirkan AKP (Özbudun, 2006).

Pasca pengharaman RP menyaksikan MGH berhadapan dengan konflik dalaman antara dua aliran tersebut. Hukuman larangan berpolitik yang diterima oleh Erbakan selama lima tahun berikutan daripada pengharaman RP menyebabkan beliau tidak boleh memegang sebarang jawatan politik. Hal ini menyebabkan berlakunya kelompongan kepimpinan utama FP. Ketika itu, Recep Tayyip Erdoğan, iaitu pemimpin muda dalam MGH yang juga merupakan Datuk Bandar Istanbul disebutkan sebagai individu yang mempunyai karisma dan berkelayakan untuk menerajui parti baharu tersebut bagi menggantikan kepimpinan Erbakan. Walau bagaimanapun, terdapat suara dalam kalangan generasi senior MGH yang membangkitkan isu kepimpinan Erdogan kerana beliau dilihat seakan-akan cuba mencabar kepimpinan Erbakan yang dianggap sebagai satu bentuk status quo dalam MGH (Mecham, 2004). Di sini dapat dilihat bagaimana sosok tubuh Erbakan, iaitu pemimpin utama kepada MGH telah menjadi salah satu titik punca kepada keretakan hubungan antara kelompok konservatif dan reformis. Akhirnya, kepimpinan utama parti diserahkan kepada Recai Kutan, iaitu rakan dan pengikut setia kepada Erbakan. Konflik kepimpinan ini menjadi titik awal kepada pertembungan antara dua aliran ini yang kian serius pada tahun-tahun berikutnya.

Meskipun berhadapan dengan konflik dalaman, FP tetap berkesempatan untuk menyertai persaingan dalam pilihan raya. Penyertaan sulungnya dalam pilihan raya umum pada 18 April 1999 menyaksikan parti tersebut berupaya memperoleh sebanyak 15.2% undi popular. Peratusan undi tersebut membolehkan FP mendapat 111 kerusi parliment, menjadikannya sebagai parti ketiga terbesar selepas Parti Demokratik Kiri (Demokratik Sol Partisi-DSP) dan MHP. Pencapaian FP ini boleh dilihat berdasarkan dua perspektif yang berbeza. Dari sudut angka, peratusan undi FP sememangnya mengalami penurunan jika dibandingkan dengan peratusan undi yang diperoleh RP pada tahun 1995 (lihat Jadual 1). Penurunan ini menunjukkan bahawa berlakunya peralihan sokongan mereka yang mengundi RP sebelumnya kepada parti-parti yang lain, khususnya DSP dan MHP. Dalam pilihan raya sebelumnya iaitu pada tahun 1995, DSP dan MHP masing-

masing memperoleh 14.6% dan 8.2%. Dalam pilihan raya pada tahun 1999 pula, DSP memperoleh undi sebanyak 22.2%, manakala MHP pula meningkat kepada 18%. Menurut Ziya Öniş (2001), penurunan undi yang dialami oleh FP sedikit sebanyak disebabkan oleh imej FP yang semakin kabur jika dibandingkan dengan parti-parti konservatif yang lain. Hal ini menyebabkan berlakunya perebutan undi segmen konservatif antara FP (konservatif-Islamis), DSP (konservatif-kiri) dan MHP (konservatif-kanan). Walau bagaimanapun, jika dilihat dari sudut yang lain, peratusan undi FP sebanyak 15.2% masih merupakan jumlah undi yang signifikan. Hal ini menunjukkan parti Islamis masih berupaya memperoleh sokongan pengundi meskipun jumlah sokongan yang diperoleh tidak setinggi sebelumnya. Tambahan pula, FP turut memperoleh sebanyak 23% undi dalam pilihan raya tempatan, menunjukkan bahawa parti beridentiti Islamisme masih disokong oleh sebahagian segmen masyarakat.

JADUAL 1. Peratusan Undi Parti-Parti Tajaan MGH dalam Pilihan Raya Umum (1973-1999)

TAHUN	1973	1977	1987	1991	1995	1999
PARTI	MSP	MSP	RP	RP	RP	FP
PERATUSAN UNDI (%)	11.8	8.6	7.2	16.9	21.4	15.4

Sumber: Özbudun (2006)

Walaupun FP memperoleh sokongan yang signifikan dalam pilihan raya, keretakan dalaman parti tersebut kian meruncing. Selepas pilihan raya 1999, berlaku sekali lagi pergolakan kepimpinan FP yang terus menyerlahkan kewujudan krisis dalaman parti tersebut. Semasa pemilihan parti pada tahun 1999, Recai Kutan selaku pemimpin kelompok *gelenekçiler* telah dicabar oleh Abdullah Gül yang mewakili kumpulan *yenilikçiler* bagi merebut jawatan tertinggi FP. Walaupun Gül tewas dalam pemilihan tersebut, beliau tetap mampu memberikan saingan kepada Kutan yang disokong kuat oleh Erbakan dengan memperoleh sebanyak 521 undi, manakala Kutan pula mendapat 633 undi. Jumlah undian Gül yang agak signifikan menggambarkan wujudnya sejumlah suara dalaman parti yang cuba menggugat status quo MGH yang sebelumnya dimonopoli oleh kelompok *gelenekçiler*. Meskipun kelompok *yenilikçiler* tidak berjaya memenangi persaingan dalaman parti, ia cukup untuk memberikan isyarat kepada Erbakan yang membayangi kelompok konservatif MGH bahawa wujudnya desakan yang kuat supaya reformasi dalaman dilakukan agar episod tekanan oleh pihak penguasa sekular terhadap gerakan Islamis tidak berulang (Mohammad Redzuan & Mashitah, 2015).

Biarpun cuba mengubah orientasi politiknya supaya kelihatan lebih liberal dan pragmatik, kehadiran FP tetap tidak disenangi oleh pihak berkuasa sekular. Tambahan pula, FP sendiri masih mengekalkan beberapa pendirian konservatifnya di kala ia cuba mengubah wacana politiknya. Pendirian FP yang mempertahankan hak pemakaian tudung salah seorang ahli parlimennya telah dijadikan alasan kepada pengharaman parti tersebut. Merve Safa Kavaklı, iaitu ahli parliment FP yang memakai tudung telah dihalang daripada mengangkat sumpah sebagai ahli parliment dan dihalau keluar dari bangunan parliment (Kinzer, 1999). Sikap FP yang mempersoalkan larangan terhadap Kavaklı ini telah mengundang Vural Savaş, iaitu Ketua Pendakwa Raya Turki ketika itu bagi mengusulkan ke Mahkamah Perlembagaan pada 11 Mei 1999 untuk menutup FP di atas alasan parti tersebut beroperasi sebagai “pusat kegiatan anti-sekular” (Yeşilada, 2002). Pada 22 Jun 2001, Mahkamah Perlembagaan telah mengarahkan penutupan FP kerana didakwa mencabar prinsip sekularisme dan meneruskan agenda agama yang dibawa oleh RP.

### Perpecahan MGH: Antara SP dan AKP (2001-Kini)

Perselisihan antara kelompok *gelenekçiler* dan *yenilikçiler* semakin memuncak selepas FP diarahkan tutup oleh Mahkamah Perlumbagaan. Kelompok *gelenekçiler* berpendapat, cabaran penentangan daripada kelompok sekular Turki merupakan lumrah dalam perjuangan bagi memartabatkan Islam. Pandangan tersebut disanggah oleh kelompok *yenilikçiler* yang melihat bahawa strategi dan pendekatan baharu perlu diambil bagi memastikan kelangsungan perjuangan Islamisme terus terjamin. Pengharaman FP serta kegagalan untuk mendapatkan pengaruh dalam kalangan aktivis MGH menyebabkan kelompok *yenilikçiler* yang dipimpin oleh Erdoğan dan Gül bertindak memisahkan diri daripada gerakan tersebut lantas menubuhkan AKP pada 14 Ogos 2001. Di pihak *gelenekçiler* yang masih setia dengan Erbakan pula membentuk Parti Kebahagiaan (Saadet Partisi-SP) beberapa bulan sebelum itu sebagai platform baharu buat mereka (Özbudun, 2006).

Pilihan raya umum yang diadakan pada 3 November 2002, iaitu kira-kira setahun selepas penubuhan SP dan AKP menjadi medan persaingan peti undi pertama dalam menguji kekuatan dan sokongan kedua-dua parti tersebut. Dalam pilihan raya sulung yang disertainya itu, AKP telah memperlihatkan prestasi yang cemerlang dengan berupaya meraih sebanyak 34.3% undi popular, iaitu peratusan undi tertinggi antara kesemua parti yang bertanding (lihat Jadual 2). Sistem perwakilan berkadar menetapkan hanya parti-parti yang mencapai peratusan undi minimum sebanyak 10% sahaja yang diperuntukkan kerusi di parlimen. Hasil peratusan undi yang diperoleh, AKP telah diperuntukkan sebanyak 363 kerusi. Pesaingnya yang terdekat, iaitu CHP, diperuntukkan sebanyak 178 kerusi hasil undi 19.4% yang diperoleh. Manakala mereka yang bertanding atas tiket bebas pula beroleh sembilan kerusi lantaran pengecualian syarat undi minimum 10% yang ditetapkan.

JADUAL 2. Keputusan Pilihan Raya Umum Turki 3 November 2002

<b>PARTI</b>	<b>JUMLAH UNDIAN</b>	<b>PERATUS UNDI (%)</b>	<b>JUMLAH KERUSI</b>
AKP	10,808,229	34.3	363
CHP	6,113,352	19.4	178
DYP	3,008,942	9.5	0
MHP	2,635,787	8.4	0
GP*	2,285,598	7.2	0
DEHAP**	1,960,660	6.2	0
ANAP***	1,618,465	5.1	0
SP	785,489	2.5	0
DSP	384,009	1.2	0
Lain-lain	1,614,001	5.1	0
Bebas	314,251	1.0	9

\*Parti Muda (Genç Parti-GP)

\*\*Parti Demokratik Rakyat (Demokratik Halk Partisi-DEHAP)

\*\*\*Parti Ibu Pertiwi (Anavatan Partisi-ANAP)

Sumber: Turkey Election Resources t.th.

Keputusan ini merupakan pencapaian yang signifikan buat AKP khususnya dan perkembangan politik Turki umumnya. Dengan sokongan peratusan undi setinggi 34.3% dan diperuntukkan sebanyak 363 kerusi, AKP berupaya membentuk kerajaan secara bersendirian tanpa perlu membina kerjasama dengan mana-mana parti lain. Memandangkan parti-parti selain CHP tidak berjaya mencapai undi minimum 10%, pengagihan kerusi hanya diberikan kepada AKP, CHP serta bebas. Hasilnya, AKP berupaya meraih jumlah kerusi yang banyak dan hanya kekurangan sebanyak empat

kerusi lagi untuk memperoleh majoriti dua pertiga, iaitu sebanyak 367 daripada keseluruhan 550 kerusi parlimen, bagi membolehkannya meminda perlembagaan secara terus. Ironinya, pilihan raya umum tahun 2002 menyaksikan parti-parti yang menjadi kerajaan sebelumnya seperti DYP, ANAP, DSP dan MHP gagal untuk melepassi syarat 10% undi minimum untuk menghantar wakil ke parlimen. Bagi Cagaptay (2002: 42-43), kegagalan parti-parti ini adalah disebabkan berlakunya protes sebilangan rakyat terhadap kemelesetan ekonomi Turki yang berlaku pada penghujung tahun 1990-an sehingga 2001. Kesannya, sebahagian besar daripada mereka yang memberikan undi kepada parti-parti ini telah beralih arah dengan mengundi AKP. Justeru, sistem perwakilan berkadar telah memberikan kelebihan kepada AKP.

Di kala AKP berjaya memperoleh sokongan yang memberangsangkan, SP yang turut lahir daripada induk yang sama dengan AKP pula sebaliknya. Dalam pilihan raya umum pada tahun 2002, SP hanya memperoleh undi serendah 2.5%. Peratusan undi tersebut menjadikannya bukan sahaja jauh ketinggalan ke belakang berbanding AKP, malah turut ketinggalan jika dibandingkan dengan peratusan undi yang diperolehi oleh parti-parti MGH sebelumnya. Jika melihat kepada pencapaian RP dan FP dalam pilihan raya umum pada tahun 1995 dan 1999, kedua-duanya memperoleh undi yang lebih tinggi berbanding SP (lihat Jadual 1). RP pada tahun 1995 memperoleh 21.4%, menjadi parti yang mendapat undi tertinggi dan diperuntukkan sebanyak 158 kerusi. Dalam pilihan raya pada tahun 1999 pula, FP memperoleh sebanyak 15.4% undi dan diperuntukkan sebanyak 111 kerusi. Undi SP pada tahun 2002 menyaksikan pengurangan hampir 13% daripada undi dalam pilihan raya sebelumnya. Peratusan undi 2.5% tersebut menyebabkannya tidak dapat menghantar wakil ke parlimen kerana tidak mencapai peratusan undi minimum sebanyak 10%.

## ANALISIS PERPECAHAN MGH

Jika melihat kepada perpecahan yang melanda MGH, perbezaan pandangan *gelenekçiler-yenilikçiler* sehingga melahirkan SP dan AKP bukan melibatkan perkara teknikal semata-mata. Akan tetapi, ia merupakan pertembungan yang merangkumi perkara-perkara dasar. Pengharaman FP telah melahirkan dua jalur pandangan yang saling kontradik dalam kalangan pendukung MGH sepertimana yang dapat difahami menerusi Jadual 3 di bawah. Dalam hal ini, kelompok senior yang bergerak dalam SP mengambil pendirian untuk kembali semula menzahirkan aspirasi Islamisme MGH yang telah dilunakkan seketika semasa era FP. Pada masa yang sama, mereka juga tidak lagi mengadaptasi sikap pro-Barat dan pro-EU seperti sebelumnya. Menurut Ahmet T. Kuru, terdapat dua faktor yang boleh menjelaskan perubahan sikap SP ini. Pertama, kelompok muda yang dipimpin oleh Erbakan dan Gü'l telah meninggalkan MGH berikut pengharaman FP. Hal ini menyebabkan kelompok senior tidak lagi berhadapan dengan penentangan untuk mereka menekankan kembali aspirasi Islamisme asal MGH. Kedua adalah disebabkan permohonan Erbakan di Mahkamah Hak Asasi Eropah bagi mencabar keputusan Mahkamah Perlembagaan yang mengharamkan RP telah ditolak. Keputusan ini menyebabkan kelompok konservatif MGH merasakan tiada keperluan bagi mereka untuk bersikap pro-Barat dan pro-EU (Kuru, 2005).

JADUAL 3. Perbezaan Pendapat antara Kelompok *Gelenekçiler* dan *Yenilikçiler*

	<b>GELENEKÇİLER (KONSERVATIF)</b>	<b>YENİLIKÇİLER (REFORMİS)</b>
<b>Ideologi MGH</b>	Dikekalkan	Perlu dinilai semula
<b>Keperluan perubahan wacana dan pendekatan</b>	Merangkumi aspek-aspek teknikal yang tidak menyentuh prinsip asas MGH	Merangkumi perubahan secara menyeluruh, termasuk prinsip asas MGH
<b>Sikap terhadap demokrasi</b>	Sebagai strategi untuk meneruskan kelangsungan perjuangan	Sebagai matlamat dan alat untuk melakukan perubahan dalam parti
<b>Sikap pro-Barat dan pro-EU</b>	Sebagai strategi untuk meneruskan kelangsungan perjuangan	Sebagai dasar utama untuk mereformasikan politik, ekonomi dan sosial Turki
<b>Kepimpinan</b>	Setia dengan kepimpinan dan bimbingan Erbakan	Cenderung kepada perubahan kepimpinan
<b>Tindakan susulan pengharaman FP</b>	Menubuhkan SP	Menubuhkan AKP

Manakala di pihak *yenilikçiler* pula, mereka mengambil sikap yang lebih pragmatik dan liberal berbanding sebelumnya, lebih-lebih lagi selepas AKP diwujudkan. Penulis melihat, sikap kelompok *yenilikçiler* ini merupakan respons terhadap tekanan yang dikenakan oleh pihak penguasa sekular terhadap MGH selama ini, di samping isyarat bagi menolak cengkaman pengaruh Erbakan. Bagi pengkaji seperti Ahmad Dzakirin, terdapat empat faktor yang dilihat mendorong kepada sikap kelompok ini sehingga lahirnya AKP iaitu,

1. simbolik penolakan terhadap kepimpinan gerakan Islamis yang terlalu berpusat kepada batang tubuh Erbakan.
2. sebagai usaha Erdogan dan rakan-rakannya dalam menghadirkan alternatif terhadap kecelaruan politik Turki ketika itu.
3. menginteraksikan perjuangan Islam dengan massa.
4. menyambut perkembangan wacana baharu Islamisme yang mula memasuki era baharu (Dzakirin, 2012).

Perpecahan ini menandakan bermulanya persimpangan jalan dalam kalangan pendukung MGH, dan sekaligus menjadi titik mula kepada dinamika baharu Islamisme di Turki.

Perpecahan antara *gelenekçiler* dan *yenilikçiler* menunjukkan bahawa respons yang berbeza boleh diperlihatkan dalam kalangan penggerak sesebuah entiti meskipun mereka berhadapan dengan cabaran yang sama. Hal ini berlaku disebabkan wujudnya perbezaan tafsiran terhadap cabaran yang dihadapi sehingga menatijahkan sikap dan tindakan yang berbeza. Bagi kelompok konservatif, mereka bertindak mengekalkan matlamat asal perjuangan MGH kerana melihat ia sebagai perkara fundamental yang tidak boleh dikompromi. Sikap ini berbeza dengan kelompok reformis yang melihat wujud ruang dalam dasar MGH yang boleh dikompromikan supaya gerakan Islamis tersebut kekal relevan dalam arus perdana politik Turki. Selain itu, penulis turut melihat sosok tubuh Erbakan sebagai faktor yang turut mempengaruhi sikap kelompok konservatif untuk mengekalkan wacana Islamisme MGH. Erbakan sememangnya merupakan seorang tokoh Islamis yang setia dan komited dengan ideologi Islamisme. Kesungguhan Erbakan dalam memperjuangkan Islam dapat dilihat menerusi ketekalan dalam mengekalkan asas idea Islamisme bermula dari MNP, MSP dan RP, di mana ia kemudiannya turut mempengaruhi kelompok konservatif yang mendukung kuat kepimpinan beliau untuk terus berpegang kepada wacana Islamisme MGH dalam menggerakkan FP dan SP.

Berdasarkan pencapaian dalam pilihan raya pula, AKP dan SP sememangnya telah memperlihatkan jurang perbezaan undi yang amat ketara. Kegagalan SP untuk mendapatkan sokongan yang signifikan seperti mana AKP boleh dijelaskan berdasarkan pemerhatian terhadap perubahan kecenderungan rakyat Turki dalam memberikan undian mereka. Pilihan raya umum 2002 jelas memperlihatkan bahawa rakyat Turki, khususnya mereka yang mengundi parti-parti Islamis sebelumnya, sudah mula beralih arah dengan tidak lagi mengundi parti yang jelas membawa imej Islam. Berdasarkan rekod lepas, parti-parti yang membawa identiti agama lebih terdedah kepada tindakan perundangan mahkamah dan campur tangan tentera yang boleh menjelaskan kestabilan politik. Hal ini menyebabkan segmen pengundi pro-Islam mengalihkan sokongan mereka kepada parti yang tidak menzahirkan aspirasi agama. Namun, ini tidak bermaksud segmen pengundi ini mengabaikan terus kehendak terhadap agama. Sebaliknya, mereka lebih melihat kehendak terhadap agama merentasi dimensi kepolitikan. Kesannya, mereka tidak lagi memberikan undi kepada parti yang jelas membawa identiti agama seperti SP dan mengalihkan sokongan kepada parti yang lebih pragmatik dan liberal seperti AKP, namun tidak mengabaikan aspek-aspek konservatisme pada masa yang sama (Yıldız, 2008).

Sejak penyertaan sulungnya dalam pilihan raya umum pada tahun 2002, AKP terus memperoleh sokongan yang memberangsangkan daripada majoriti rakyat Turki. Perkara ini dapat dilihat menerusi kemenangan dalam siri pilihan raya yang disertainya (pilihan raya umum pada tahun 2007, 2011, 2015 dan 2018 serta pilihan raya tempatan pada tahun 2004, 2009, 2014 dan 2019) (Daily Sabah, t.th.). Meskipun terus-menerus memperoleh mandat daripada rakyat, AKP tetap menghadapi pelbagai kesukaran sepanjang pemerintahannya lantaran berhadapan dengan cabaran dan penentangan daripada seteru politiknya. Misalnya pada 27 April 2007, AKP telah diugut oleh TSK yang bertindak memuat naik e-memorandum di laman sesawang rasmi mereka supaya tidak mencabar prinsip sekularisme negara (BBC News, 2007). Pada tahun berikutnya pula, AKP telah dihadapkan di Mahkamah Perlembagaan dan hampir diharamkan di atas dakwaan menjadi pusat kepada kegiatan anti-sekular (Cindoglu & Zencirci, 2008). Cabaran-cabaran lain yang terpaksa dihadapi oleh AKP termasuklah cubaan mensabotaj kerajaan oleh rangkaian subversif Ergenekon, protes besar-besaran seluruh Turki oleh masyarakat pro-sekular sekitar pertengahan tahun 2013 dan cubaan rampasan kuasa tentera pada 15 Julai 2016 (Muhammad Khalis, 2019).

Kesemua cabaran yang dihadapi oleh AKP menggambarkan meskipun telah diwajahkan sebagai sebuah parti beridentiti baharu dan tidak lagi berpegang kepada wacana Islamisme, ia tetap menghadapi tentangan para pendukung sekular daripada pelbagai segmen. Senario ini menunjukkan bahawa sungguhpun AKP terus-menerus memperoleh mandat rakyat untuk memimpin negara, pengaruh pendukung sekular di Turki sememangnya telah mengakar dengan kuat dan sentiasa mengancam parti tersebut. Meskipun pelbagai langkah telah diambil oleh AKP bagi melemahkan pengaruh pendukung sekular (khususnya dalam TSK dan badan kehakiman) seperti menjalankan proses pendemokrasian, meminda Perlembagaan Turki serta melakukan penstrukturran institusi-institusi negara, AKP akan terus berhadapan dengan penentangan seterunya seperti mana yang telah dihadapi oleh parti-parti Islamis MGH sebelumnya.

## KESIMPULAN

Islamisme merupakan fenomena unik yang dicorakkan oleh realiti setempat di mana ia beroperasi. Bagi konteks Turki, MGH merupakan gerakan utama yang mendukung idea Islamisme. MGH muncul di atas kesedaran untuk bergerak dalam sebuah wadah khusus bagi memartabatkan Islam selain untuk memperjuangkan suara masyarakat konservatif Anatolia yang sering dipinggirkan daripada arus perdana politik. Pendekatan *bottom-up* secara sederhana dengan menekankan pembinaan moral dan spiritual menjadi strategi

utama MGH dalam melakukan proses pengislahan sosial masyarakat Turki. Bagi menggenengahkan aspirasi Islamismenya, MGH telah menubuhkan beberapa buah parti politik yang muncul bersilih ganti iaitu MNP, MSP, RP dan FP. Secara keseluruhan, parti-parti tajaan MGH menerima sokongan yang signifikan daripada masyarakat Turki, menggambarkan kecenderungan rakyat terhadap gagasan Islam yang dibawa oleh gerakan tersebut. Walau bagaimanapun, pihak elit sekular dan tentera sering menyekat kemaraan MGH sehingga parti-parti yang ditubuhkan telah diharamkan satu persatu. Hal ini kemudiannya telah mencetuskan krisis dalam MGH sehingga melahirkan SP yang meneruskan legasi MGH dan AKP yang cuba membawa orientasi baharu.

Persimpangan jalan antara SP dan AKP juga memperlihatkan wujudnya dinamika baharu berhubung kecenderungan rakyat Turki dalam memilih parti politik. Selepas kemunculan sulung kedua-duanya dalam pilihan raya umum tahun 2002, AKP terus memperoleh sokongan yang memberangsangkan daripada pengundi, manakala SP pula semakin terpinggir daripada arus perdana politik Turki lantaran gagal memperoleh undian yang mencukupi bagi menghantar wakilnya ke parlimen. Senario ini mengisyaratkan bahawa dalam konteks persaingan parti-parti pro-Islam, majoriti pengundi konservatif dan Islamis telah mengalahkan sokongan mereka kepada parti yang pragmatik, mampu beradaptasi dengan realiti sekularisme Turki dan mengutamakan agenda politik yang praktikal, meskipun ideologi Islamisme terpaksa dilunakkan atau disenyapkan. Hakikat ini jelas terzahir di mana sehingga kini, AKP masih menjadi parti paling dominan dalam lanskap politik di Turki, manakala SP pula semakin tidak popular di mata rakyat.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Malaya (UM) kerana menyediakan geran 2019 SATU Joint Research Scheme Program (ST018-2019) bagi membolehkan kajian ini dijalankan.

## RUJUKAN

- Ahmad Dzakirin. (2012). *Kebangkitan Gerakan Islam: Analisis Strategi dan Polisi AKP Turki Memenangi Pilihanraya Umum*. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise.
- Ahmad, Feroz. (1977). *The Turkish Experiment in Democracy 1950-1975*. London: C. Hurst & Company.
- Akinci, U. (1999). The Welfare Party's Municipal Track Record: Evaluating Islamist Municipal Activism in Turkey. *Middle East Journal*. 53(1), 75-94.
- Atacan, F. (2005). Explaining Religious Politics at the Crossroad AKP-SP. *Turkish Studies*. 6(2), 187-199.
- Ayoob, M. (2008). *The Many Faces of Political Islam*. Singapore: NUS Press.
- BBC News. (2007). Excerpts of Turkish Army Statement. BBC News, 28 April. Akses pada 16 November 2021 di <http://news.bbc.co.uk/2/hi/europe/6602775.stm>.
- Bulaç, A. (2012). On Islamism: Its Roots, Development and Future. *Insight Turkey*. 14(4), 67-85.
- Burak, B. (2011). The Role of the Military in Turkish Politics: To Guard Whom and From What? *European Journal of Economic and Political Studies*. 4(1), 143-169.
- Cagaptay, S. (2002). The November 2002 Elections and Turkey's New Political Era. *Middle East Review of International Affairs*. 6(4), 42-48.
- Çınar, M. & Duran, B. (2008). The Specific Evolution of Contemporary Political Islam in Turkey and Its 'Difference'. Dlm. Ümit Cizre (pnyt.). *Secular and Islamic Politics in Turkey: The Making of the Justice and Development Party*. London & New York: Routledge.

- Cindoglu, D. & Zencirci, G. (2008). The Headscarf in Turkey in the Public and State Spheres. *Middle Eastern Studies*. 44(5), 791-806.
- Dağı, İ.D. (2005). Transformation of Islamic Political Identity in Turkey: Rethinking the West and Westernization. *Turkish Studies*. 6(1), 21-37.
- Daily Sabah. (t.th.). Turkey Elections. *Daily Sabah*. Akses pada 15 November 2021 di <https://www.dailysabah.com/election-results>.
- Duran, B. (1998). Approaching the Kurdish Question via *Adil düzén*: An Islamist Formula of the Welfare Party for Ethnic Coexistence. *Journal of Muslim Minority Affairs*. 18(1), 111-128.
- Eligür, B. (2010). *The Mobilization of Political Islam in Turkey*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Geyikdağı, M.Y. (1984). *Political Parties in Turkey: The Role of Islam*. New York: Praeger Publisher.
- Kasaba, R. & Bozdoğan, S. (2000). Turkey at the Crossroad. *Journal of International Affairs*. 54(1), 1-20.
- Kramer, M. (2003). Coming to Terms: Fundamentalists or Islamists? *Middle East Quarterly*. 10(2), 65-77.
- Kuru, A.T. (2005). Globalization and Diversification of Islamic Movements: Three Turkish Cases. *Political Science Quarterly*. 120(2), 253-274.
- Mecham, R.Q. (2004). From the Ashes of Virtue, a Promise of Light: The Transformation of Political Islam in Turkey. *Third World Quarterly*. 25(2), 339-358.
- Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. (2015). *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerksaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mozaffari, M. (2007). What is Islamism? History and Definition of a Concept. *Totalitarian Movements and Political Religions*. 8(1), 17-33.
- Muhammad Khalis Ibrahim & Mohd Roslan Mohd Nor. (2018). Perkembangan Islam di Turki Menerusi Pendekatan Politik: Satu Sorotan Sejarah. *Online Journal of Research in Islamic Studies*. 5(2), 17-34.
- Muhammad Khalis Ibrahim. (2019). Peranan Adalet ve Kalkınma Partisi (AKP) Pada Era Erdogan Dalam Perkembangan Islam Di Turki (2010-2017). Disertasi Sarjana tidak diterbitkan, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Narli, N. (1999). The Rise of the Islamist Movement in Turkey. *Middle East Review of International Affairs*. 3(3), 38-48.
- Öniş, Z. (2001). Political Islam at the Crossroads: From Hegemony to Co-Existence. *Contemporary Politics*. 7(4), 281-298.
- Osman, T. (2017). *Islamism A History of Political Islam from the Fall of the Ottoman Empire to the Rise of ISIS*. New Haven & London: Yale University Press.
- Özbudun, E. (2006). From Political Islam to Conservative Democracy: The Case of the Justice and Development Party in Turkey. *South European Society & Politics*. 11(3-4), 543-557.
- Turkey Election Resources. (t.th.). November 3, 2002 General Election Results - Turkey Totals. *Election Resources on the Internet: Elections to the Turkish Grand National Assembly - Results Lookup*. Akses pada 18 Ogos 2021 di <http://electionresources.org/tr/assembly.php?election=2002>
- Vielhaber, D. (2012). The Milli Görüs of Germany. *Current Trends in Islamist Ideology*. 13, 47-68.
- Wan Kamal Mujani & Muhammad Khalis Ibrahim. (2020). Identiti Adalet ve Kalkınma Partisi (AKP) Turki di Persimpangan Jalan: Parti Islam atau Parti Sekular? *International Journal of Islamic Thought*. 18, 131-144.
- Yavuz, M.H. (2000). Cleansing Islam from the Public Sphere. *Journal of International Affairs*. 54(1), 21-42.

- Yavuz, M.H. (2003). *Islamic Political Identity in Turkey*. New York: Oxford University Press.
- Yeşilada, B.A. (2002). The Virtue Party. *Turkish Studies*. 3(1), 62-81.
- Yıldız, A. (2008). Problematizing the Intellectual and Political Vestiges: From 'Welfare' to 'Justice and Development'. Dlm. Ümit Cizre (nyt.). *Secular and Islamic Politics in Turkey: The Making of the Justice and Development Party*. London & New York: Routledge.